



18 GAGAL MERAH JAMBU

10,832 peniaga diperiksa selepas pelaksanaan SHMMP Deepavali 2019

Oleh Hafidzul Hilmi
 Mohd Noor
 hafidzul@
 hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan 18 peniaga gagal meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu selain sembilan lagi tidak meletakkan tanda harga.

Ia berdasarkan pemeriksaan ke atas 10,832 peniaga di seluruh negara sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2019 bermula 20 Oktober lalu.

Timbalan Pengarah Penguatuasa (Cawangan Operasi) KPDNHEP, Rosli Ahmad berkata, kompaun RM2,800 dikenakan selain 1,720 barang disita.

"Walaupun masih ada peniaga didapati melakukan kesalahan, namun majoriti peniaga patuh arahan yang dikeluarkan," katanya.

"Kita beri peringatan kepada peniaga yang berdegil bahawa KPDNHEP sentiasa turun padang untuk memantau harga.

"Bagaimanapun, kita mendapati kesedaran peniaga terhadap arahan mematuhi harga maksimum adalah tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melakukan pelaksanaan SHMMP Deepavali 2019 di Pasar Awam Sungai Besi, di

sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Seksyen Bekalan dan Harga Bahagian Penguatuasa KPDNHEP, Abd Hafidz A Rahim.

Menurutnya, pihaknya akan melakukan pemantauan harga sehingga tarikh akhir pelaksanaan skim harga maksimum ini pada 2 November ini.

"Selain pegawai KPD-

NHEP, kita juga mendapat bantuan Friends of KPDNHEP, Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), skuad pengguna serta ketua masyarakat yang akan menjadi mata dan telinga kami.

"Orang ramai juga boleh menyalurkan aduan kepada pusat panggilan di talian 1800-886-800, aplikasi telefon pintar Ez ADU dan WhatsApp ke 019-2794317," katanya.

“**Kesedaran arahan mematuhi harga maksimum adalah tinggi**
 Rosli Ahmad

SENARAI BARANG SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN DEEPAVALI 2019

1	Ayam hidup	1 kilogram (kg)	RM5.80
2	Ayam Standard	1kg	RM7.30
3	Ayam Super	1kg	RM8.10
4	Daging kambing tempatan bertulang	1kg	RM44
5	Daging kambing dan bebiri import bertulang	1kg	RM25
6	Telur ayam gred A	Sebijii	40 sen
7	Telur ayam gred B	Sebijii	39 sen
8	Telur ayam gred C	Sebijii	38 sen
9	Tomato	1kg	RM4.50
10	Kubis bulat import	1kg	RM3
11	Bendi	1kg	RM6.50
12	Kelapa	Sebijii	RM1.90
13	Kelapa parut	1kg	RM7.20
14	Cili merah	1kg	RM15
15	Cili kering	1kg	RM16
16	Bawang merah kecil (India)	1kg	RM7
17	Bawang besar import	1kg	RMS
18	Ubi kentang import (China)	1kg	RM3
19	Kacang Dal (Australia)	1kg	RM3.50

HARI : SABTU
TARIKH : 26/10/2019
M/SURAT : 27A



ROSLI (tiga dari kanan) bersama Abd Hafidz (empat dari kanan) memantau harga barang kawalan SHHMP Deepavali 2019 di Pasar Sungai Besi, semalam.

18 gagal merah jambu



ROSLI (tiga dari kanan) bersama Abd Hafidz (empat dari kanan) memantau harga barang kawalan SHHMP Deepavali 2019 di Pasar Sungai Besi, semalam.

Hafidzul Hilmi Mohd Noor

hafidzul@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan 18 peniaga gagal meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu selain sembilan lagi tidak meletakkan tanda harga.

Ia berdasarkan pemeriksaan ke atas 10,832 peniaga di seluruh negara sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2019 bermula 20 Oktober lalu.

Timbalan Pengarah Penguatkuasa (Cawangan Operasi) KPDNHEP, Rosli Ahmad berkata, kompaun RM2,800 dikenakan selain 1,720 barang disita.

"Walaupun masih ada peniaga didapati melakukan kesalahan, namun majoriti peniaga patuh arahan yang dikeluarkan," katanya

"Kita beri peringatan kepada peniaga yang berdegil bahawa KPDNHEP sentiasa turun padang untuk memantau harga.

"Bagaimanapun, kita mendapati kesedaran peniaga terhadap arahan mematuhi harga maksimum adalah tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melakukan pelaksanaan SHMMP Deepavali 2019 di Pasar Awam Sungai Besi, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Seksyen Bekalan dan Harga Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP, Abd Hafidz A Rahim.

Menurutnya, pihaknya akan melakukan pemantauan harga sehingga tarikh akhir pelaksanaan skim harga maksimum ini pada 2 November ini.

“Selain pegawai KPDNHEP, kita juga mendapat bantuan Friends of KPDNHEP, Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), skuad pengguna serta ketua masyarakat yang akan menjadi mata dan telinga kami.

“Orang ramai juga boleh menyalurkan aduan kepada pusat panggilan di talian 1800-886-800, aplikasi telefon pintar Ez ADU dan WhatsApp ke 019-2794317,” katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 26 Oktober 2019 @ 5:50 AM

